YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA SALUR BANTUAN SEGERA KEPADA MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG BAHAGIA, SANDAKAN

KOTA KINABALU, 28 April 2026 – Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyalurkan Bantuan Kasih Prihatin YKN berjumlah RM200,000 kepada Tabung Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah bagi membantu mangsa kebakaran di Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi YKN, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri melalui YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, di Dewan Undangan Negeri Sabah sebentar tadi.

Terdahulu, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri turut turun padang meninjau keadaan serta menyantuni mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Rumah Warga Tua Sri Harapan, Batu 5, Sandakan.

Selain bantuan kewangan, YKN turut menyalurkan bantuan keperluan asas termasuk beg makanan, beg peralatan kanak-kanak serta set kelengkapan bayi bagi membantu meringankan beban keluarga yang terkesan.

Menurut beliau, bantuan yang disalurkan ini mencerminkan keprihatinan berterusan kerajaan dan masyarakat dalam memastikan kebajikan mangsa sentiasa terbela.

"Dalam situasi sukar seperti ini, keutamaan kita adalah memastikan mangsa mendapat bantuan segera dan sokongan berterusan. YKN akan terus memainkan peranan sebagai penghubung kepada sumbangan orang ramai agar setiap bantuan dapat disampaikan dengan cepat dan berkesan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Bantuan ini merupakan hasil sumbangan dan derma orang ramai kepada YKN yang disalurkan bagi membantu golongan memerlukan termasuk mereka yang berdepan situasi kecemasan dan bencana.

Turut hadir, Hadir sama Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Datuk Julita Majungki, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordina Haron serta Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Puan Rosmahwati Ishak.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN DANA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

-###-

MENGENAI YKN

YKN merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

YKN menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

Untuk maklumat lanjut atau sumbangan, sila hubungi:

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

☎ 03 – 8323 2236/ 2237
dkkykn@gmail.com
www.ykn.org.my